

**PERBANDINGAN GAYA PEMBELAJARAN KINESTATIK TERHADAP  
PELAJAR KEJURUTERAAN DI POLITEKNIK KUCHING: SATU TINJAUAN**

**ERMIZAM BIN EDNI**

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**SEPTEMBER, 2003**



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

*Coretan ringkas penuh makna ini kutujukan khas buat insan-insan yang teristimewa dan tersayang...*

*Buat Ayahanda dan Bonda, segala jasa dan pengorbanan serta berkat doa kalian berdua menjadi 'nur' yang tidak akan padam di dalam memastikan setiap inci kejayaan dan kecemerlangan anakanda pada masa ini dan juga masa mendatang, insyaallah.*

*Kejayaan anakanda adalah kejayaan kita sekeluarga.*

*Buat kakak dan adik, semoga kejayaan ini akan menjadi sumber motivasi kalian untuk meneruskan usaha ke arah mencapai kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat. Sesungguhnya Allah merahmati hamba-hambanya yang berjuang di atas namaNya.*

*Dan buat tunang tercinta, Lailasari bt. Hj. Udin, semoga segala sumber inspirasi, dan tiupan semangat yang dilaungkankan selama ini akan berkekalan hingga ke akhir hayat.*

*Selagi ada roh di badan maka selagi itulah perjuangan ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan kita akan diperjuangkan.*

*Demi Masa Akanku Keraahkan Segala Usaha Menuju Kejayaan.*



## PENGHARGAAN

*“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”*

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi di atas segala limpah dan kurniaNya maka dengan itu mengizinkan saya menyiapkan kajian ini dengan selamat dan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Tuan Haji Mohd. Salleh bin Haji Tahar selaku pembimbing yang telah banyak memberikan dorongan, bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh kajian ini tanpa rasa letih dan jemu.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan di Jabatan Teknik dan Vokasional, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn yang telah banyak membantu dan menyumbangkan idea serta cadangan di sepanjang kajian ini disiapkan.

Tidak ketinggalan juga penghargaan ditujukan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Awam dan Elektrik serta pelajar-pelajarnya di Politeknik Kuching Sarawak yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang baik di dalam membantu ke arah penyempurnaan projek ini.

Akhir sekali penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan kajian ini. Semoga sumbangan dan jasa baik kalian mendapat rahmat dari Allah s.w.t.

## ABSTRAK

Kajian ini menumpukan tinjauan kepada kecenderungan gaya pembelajaran kinestatik pelajar-pelajar diploma kejuruteraan semester enam dan satu di Politeknik Kuching, Sarawak. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti kelaziman gaya pembelajaran kinestatik di kalangan pelajar kejuruteraan dan melihat perbezaan gaya pembelajaran kinestatik berdasarkan kursus, semester dan jantina. Keseluruhan pelajar adalah seramai 181 orang iaitu merupakan sampel kepada kajian ini. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan instrumen pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah borang soal selidik. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (S.P.S.S) versi 11.0 bagi mendapatkan korelasi dan nilai-t selain daripada jumlah peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Awam dan Elektrik memperlihatkan kecenderungan yang signifikan di dalam gaya pembelajaran kinestatik tidak mengira perbezaan dari segi kursus kejuruteraan dan semester. Walaubagaimanapun dapatan kajian tidak menunjukkan faktor jantina sebagai mempengaruhi kecenderungan gaya pembelajaran kinestatik di kalangan pelajar-pelajar kejuruteraan. Justeru itu adalah menjadi harapan pengkaji agar gaya pembelajaran kinestatik ini dapat diimplementasikan bukan sahaja di kalangan pelajar-pelajar kejuruteraan malah usaha pepadanan juga boleh dilaksanakan di dalam proses pengajaran yang dijalankan oleh pensyarah-pensyarah di seluruh jabatan kejuruteraan Politeknik.

## ABSTRACT

*This study attempt to determine the tendency of kinesthetic learning style among students involved in engineering diploma courses specifically in the first and sixth semester at Politeknik Kuching Sarawak. This study aimed to determine the practice of the kinesthetic learning style and to explain the differences based on courses, semester and gender among the students. A total number of 181 students were selected as sample for this study. A set of questionnaire and descriptive statistical instruments were utilised for the purpose of gathering and processing the information. The analysis were done by using Statistical Package for Social Science (S.P.S.S) version 11.0 in order to determine the correlation, t-value, as well as the percentage, mean and standard deviation. Charts and tables were simply designed to explain the findings. The study concluded that there is significantly high level of tendency in kinesthetic learning style practiced by the students who are involved in Mechanical, Civil and Electrical Engineering without significant gaps between different courses and semester. However the finding did not reveal any significant relationship between kinesthetic learning style and gender of the students. Thus this study recommends that the kinesthetic learning style should be implemented among the engineering courses undergraduates. The matching efforts should be also taken into consideration through the teaching process done by the lecturers in all engineering departments of the Polytechnic.*

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	BORANG PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	5

1.6	Skop Kajian	6
1.7	Kepentingan Kajian	7
1.8	Batasan Kajian	8
1.9	Hipotesis Kajian	8
1.10	Definisi Istilah	9
	1.10.1 Gaya Pembelajaran	9
	1.10.2 Pelajar Diploma Kejuruteraan Politeknik Kuching	10
	1.10.3 POLIKU	10
1.11	Definisi Operasional	11
	1.11.1 Gaya Pembelajaran Kinestatik	11
	1.11.2 Gaya Pembelajaran Bahasa Tertulis- Pandang	11
	1.11.3 Gaya Pembelajaran Angka Tertulis- Pandang	11
	1.11.4 Gaya Pembelajaran Bahasa Lisan- Dengar	11
	1.11.5 Gaya Pembelajaran Angka Lisan- Dengar	12
	1.11.6 Gaya Pembelajaran Belajar Bersendirian	12
	1.11.7 Gaya Pembelajaran Belajar Berkumpulan	12
	1.11.8 Gaya Pembelajaran Pernyataan Tertulis- Penyampaian Lisan	12
	1.11.9 Gaya Pembelajaran Pernyataan Lisan- Penyampaian Lisan	12

## II

### SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	14
2.2	Teori dan Model Gaya Pembelajaran	16

2.2.1	Teori <i>Multiple Intelligence</i>	19
2.2.2	Teori Kecerdasan Kinestetik	21
2.2.3	Model Pengajaran dan Pembelajaran Dale (1965)	26
2.2.4	Model Pembelajaran Dominan Kolb (1976)	29
2.2.5	Model Logikal Pembelajaran Ishak dan Rakan (1983)	31
2.2.6	Teori Pembelajaran Gagne (1975)	32
2.2.7	Model Kajian	34
2.3	Kajian-kajian Lepas	36
2.4	Rumusan Kajian Lepas	42

### III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	44
3.2	Rekabentuk Kajian	45
3.3	Sampel Kajian	45
3.4	Pembolehubah Kajian	47
3.4.1	Pembolehubah Bersandar	47
3.4.2	Pembolehubah Tak Bersandar	48
3.5	Instrumen Kajian	48
3.5.1	Prosedur Ujian	52
3.6	Kaedah Penganalisan Data	53
3.6.1	Analisis Kecenderungan	53
3.6.2	Analisis Korelasi ( $r$ ) dan Pekali Penentu Koefisien ( $r^2$ )	54
3.6.3	Ujian- $t$	57
3.7	Kajian Rintis	57



#### IV DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	59
4.2	Analisis Bahagian A (Demografi Responden)	60
4.2.1	Jantina	61
4.2.2	Bangsa	63
4.2.3	Umur	65
4.2.4	Kelulusan Akademik Tertinggi	67
4.2.5	Latarbelakang Pendidikan	69
4.2.6	Pengalaman Bekerja	70
4.2.7	Majikan	72
4.3	Analisis Bahagian B (Analisis Data dan Perbincangan)	73
4.3.1	Perbandingan Gaya Pembelajaran Kinestatik Pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Awam dan Elektrik	74
a.	Perbandingan Gaya Pembelajaran Kinestatik di antara Semester Berdasarkan Peratusan	76
b.	Perbandingan Gaya Pembelajaran Kinestatik di antara Kursus Berdasarkan Min dan Sisihan Piawai	83
4.3.2	Perbandingan Gaya Pembelajaran Kinestatik Pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Awam dan Elektrik Berdasarkan Kepada Analisis Ujian-t	85
4.4	Rumusan	96

## V KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	97
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	99
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	100
5.4	Cadangan-cadangan	102
	5.4.1 Cadangan Kepada Pihak Organisasi	102
	5.4.2 Cadangan Kajian Lanjutan	104
5.5	Kesimpulan	105

## VI REKABENTUK PRODUK

6.1	Pengenalan	106
6.2	Latarbelakang Teori Penghasilan Produk	106
6.3	Objektif Penghasilan Garis Panduan Gaya Pembelajaran Kinestatik	107
6.4	Rekabentuk Produk	108
	6.4.1 Bentuk dan Ciri-ciri Produk	108
	6.4.2 Dokumentasi Produk	109
6.5	Kronologi Pembinaan Produk	109
	6.5.1 Dapatan Analisis Kajian	110
	6.5.2 Analisis Keperluan Bagi Pembinaan Produk	111
	6.5.3 Pengguna Yang Dikenalpasti	111
	6.5.4 Pembinaan Objektif Garis Panduan	111
	6.5.5 Struktur dan Aturcara Garis Panduan Sebenar	111
	6.5.6 Penyemakan Semula Garis Panduan	112
	6.5.7 Garis Panduan Gaya Pembelajaran Kinestatik	112

6.6	Kandungan Garis Panduan Gaya Kinestatik	112
6.7	Cadangan Pembaikan	113
6.8	Rumusan	113
<b>BIBLIOGRAFI</b>		114
<b>LAMPIRAN</b>		119



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Pembahagian Kelompok Mengikut Gaya Pembelajaran	50
3.2	Contoh Instrumen Yang Digunakan Untuk Melihat Tindakbalas Gaya Pembelajaran Pelajar	51
3.3	Maksud Bagi Setiap Kategori Gaya Pembelajaran	52
3.4	Tahap Kecenderungan dan Skor	53
3.5	Tafsiran Nilai Korelasi Pearson	55
4.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	61
4.2	Jumlah Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Bangsa	63
4.3	Jumlah Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Umur	65
4.4	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi	67
4.5	Jumlah Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Latarbelakang Pendidikan	69
4.6	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja	70
4.7	Taburan Responden Mengikut Majikan	72
4.8	Profil Gaya Pembelajaran Kinestatik Responden Secara Peratusan, Min dan Sisihan Piawai	75
4.9	Rumusan Profil Gaya Pembelajaran Kinestatik Secara Keseluruhan (purata)	82
4.10	Keputusan Analisis Ujian-t dan Purata Min Bagi Profil Gaya Pembelajaran Kinestatik Secara Keseluruhan	89

4.11	Analisis Korelasi Pearson ( $r$ ) dan Pekali Penentu Koefisien ( $r^2$ ) ke Atas Pembolehubah Jantina Responden dan Faktor Inventori Gaya Pembelajaran Kinestatik	91
4.12	Ujian-t ke Atas Korelasi di Antara Jantina dan Faktor Inventori Gaya Pembelajaran Kinestatik Berdasarkan Kursus	92



## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Model Pengajaran Dan Pembelajaran Dale	26
2.2	Model Pembelajaran Dominan Kolb	29
2.3	Model Logikal Pembelajaran Ishak dan Rakan (1983)	31
2.4	Teori Pembelajaran Gagne (1975)	32
2.5	Model Kajian	35
3.1	Gambaran Sampel Kajian	46
3.2	Kerangka Konseptual Kajian Gaya Pembelajaran Secara Keseluruhan	47
6.1	Carta Alir Bagi Pembinaan Produk	110



PTAAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	119
B	Analisis S.P.S.S	126
C	Contoh Garis Panduan Gaya Pembelajaran Kinestatik	156



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Gaya pembelajaran merupakan aspek penting yang menentukan kualiti dan kecemerlangan akademik para pelajar. Gaya pembelajaran merupakan faktor penting yang mempengaruhi pencapaian pelajar termasuklah gaya pembelajaran kinestetik selain daripada kaedah pengajaran yang diamalkan oleh para guru atau pensyarah. Kebolehan guru atau pensyarah mengajar dengan pelbagai kaedah biasanya akan berjaya menarik minat para pelajar untuk terus mendalami sesuatu mata pelajaran. Dari aspek pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran yang berkesan, sudah tentu mereka akan bermotivasi untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran sekaligus menguasai pemahaman sesuatu mata pelajaran. Penguasaan kefahaman sesuatu mata pelajaran oleh para pelajar akhirnya akan membuahkan kualiti kecemerlangan di dalam reputasi akademik pelajar itu sendiri.

Menurut Honey et al. (1986), Abd. Rahim (1995) dan Ghiam (1996), gaya pembelajaran kinestetik merupakan gaya pembelajaran melalui pengalaman, iaitu kombinasi penglihatan, pendengaran dan rangsangan dan kemudian melibatkan diri



secara fizikal dalam pembelajarannya. Pelajar-pelajar diploma kejuruteraan di Politeknik Kuching merupakan di antara ribuan pelajar jurusan kejuruteraan yang dijangkakan memiliki gaya pembelajaran kinestatik kerana penglibatan diri mereka secara langsung di dalam aktiviti pembelajaran yang bersifat teknikal. Aktiviti pembelajaran yang bersifat teknikal ini termasuklah aktiviti pembelajaran di dalam bengkel, makmal dan latihan amali. Para pelajar kejuruteraan Politeknik Kuching akan mengikuti program kejuruteraan dengan pengkhususan yang terdiri program kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik selama 3 tahun. Justeru itu bagi menempuh proses pembelajaran yang bakal dialami, mereka perlulah memiliki gaya pembelajaran yang bersesuaian. Dengan mengandaikan kesemua pelajar kejuruteraan Politeknik Kuching mempunyai minat yang mendalam berserta gaya pembelajaran yang bersesuaian terhadap bidang pilihannya sudah tentu mereka ini dapat mengikuti dan memahami serta belajar setiap mata pelajaran jurusan kejuruteraan berdasarkan kurikulum tertentu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bagi menjayakan hasrat tersebut, pengkaji perlu mengenalpasti kelaziman gaya pembelajaran kinestatik para pelajar kejuruteraan Politeknik Kuching supaya proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan. Sehubungan itu, pensyarah pelatih juga perlu dibekalkan kemahiran menyesuaikan kaedah pengajaran mereka dengan gaya pembelajaran pelajar. Ini bertujuan untuk memperkembangkan potensi akademik pelajar secara optimum. Jika gaya pembelajaran pelajar menjadi penghalang kepada merealisasikan potensi mereka secara optimum, maka pensyarah perlu juga dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mengatasi masalah tersebut terutamanya apabila ia melibatkan gaya pembelajaran kinestatik. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat digunapakai untuk mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi terutama di Politeknik Kuching serta ia dijadikan rujukan bagi pihak-pihak yang ingin menjalankan program motivasi.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Melalui pemerhatian dan pembacaan, pengkaji mendapati bahawa pelajar-pelajar kejuruteraan dan bidang-bidang lain yang bersifat teknikal menggemari amalan gaya pembelajaran yang melibatkan kombinasi penglihatan, pendengaran dan rangsangan dan kemudian melibatkan diri secara fizikal dalam pembelajarannya. Maka dengan ini pengkaji mengambil inisiatif bagi meninjau kelaziman gaya pembelajaran kinestatik ini dipraktikkan di kalangan pelajar-pelajar diploma kejuruteraan di Politeknik Kuching. Oleh itu, apabila kelaziman gaya pembelajaran kinestatik di antara pelajar-pelajar diploma kejuruteraan Politeknik Kuching ini diketahui maka ia akan membantu kepada peningkatan di dalam kualiti aktiviti pembelajaran para pelajar dan juga sekaligus membantu di dalam meningkatkan kecekapan di dalam kaedah pengajaran para pensyarah.

Memandangkan terdapat tiga program kejuruteraan yang berlainan di Politeknik Kuching iaitu program kejuruteraan mekanikal, elektrik dan awam, maka kajian ini telah mengandaikan terdapat perbezaan dari segi kelaziman para pelajar mempraktikkan gaya pembelajaran kinestatik di mana ia merupakan gaya pembelajaran yang lebih berkesan dan diperolehi melalui pengalaman, iaitu kombinasi penglihatan, pendengaran dan rangsangan dan kemudian melibatkan diri secara fizikal dalam pembelajarannya.

Pengkaji juga mengandaikan wujudnya perbezaan bentuk gaya pembelajaran kinestatik di antara pelajar-pelajar kejuruteraan yang terdiri daripada pelbagai kursus kejuruteraan, semester, dan jantina. Perbezaan personaliti ini selalunya akan memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang digemari oleh seseorang pelajar (Ee Ah Meng, 1999). Setiap pelajar termasuklah pelajar-pelajar diploma kejuruteraan Politeknik Kuching juga memiliki kecenderungan yang berbeza-beza dan gaya yang tersendiri dalam melakukan sesuatu tidak terkecuali di dalam proses pembelajaran. Terdapat pelbagai gaya pembelajaran yang diamalkan oleh para pelajar dalam usaha untuk mendapatkan pencapaian akademik yang memberangsangkan seperti

melalui bacaan, pemerhatian, perbincangan ataupun perlakuan termasuklah gaya pembelajaran kinestatik. Para pensyarah selalunya cuba untuk memberi pemahaman yang secukupnya kepada para pelajar dalam usaha untuk mencapai matlamat pendidikan. Pelbagai kaedah yang digunakan untuk tujuan pengajaran, bergantung kepada tahap pemahaman pelajar dan latar belakang mereka. Banyak kajian dan soal selidik telah dijalankan yang mana ia bukan sahaja untuk kegunaan para pensyarah tetapi turut melibatkan pelajar. Daripada kajian-kajian tersebut wujudlah beberapa gaya atau kaedah yang difikirkan cukup berkesan kepada para pelajar dalam meningkatkan tahap pemahaman dan prestasi pencapaian mereka tidak terkecuali gaya pembelajaran kinestatik.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini memfokuskan kepada para pelajar diploma kejuruteraan Politeknik Kuching yang terdiri daripada pelajar-pelajar program kejuruteraan elektrik, awam dan mekanikal serta kelaziman gaya pembelajaran kinestatik yang diamalkan oleh mereka. Justeru itu bagaimanakah para pelajar diploma kejuruteraan ini mengamalkan gaya pembelajaran dengan lebih berkesan melalui pengalaman, iaitu kombinasi penglihatan, pendengaran dan rangsangan dan kemudian melibatkan diri secara fizikal dalam pembelajarannya. Proses ini juga melibatkan dua aspek iaitu bagaimana pelajar menerima maklumat, memperolehi kemahiran, menghayati nilai dan seterusnya menghasilkan ilmu yang akan menjadikannya sebagai seorang yang berpendidikan. Keduanya adalah memfokuskan kepada cara pelajar itu dapat menyampaikan maklumat sebagai maklum balas dari apa yang telah dipelajarinya. Kedua-dua ini amat berkaitan dengan gaya pembelajaran kinestatik pelajar.

#### 1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Untuk mengenalpasti kelaziman gaya pembelajaran kinestatik di kalangan pelajar diploma kejuruteraan semester satu dan enam di Politeknik Kuching.
- 1.4.2 Untuk melihat perbezaan gaya pembelajaran kinestatik berdasarkan kursus, semester dan jantina di antara pelajar-pelajar diploma kejuruteraan di Politeknik Kuching.

#### 1.5 Persoalan Kajian

Secara amnya, kajian ini akan berusaha mengenalpasti sejauhmanakah kelaziman gaya pembelajaran kinestatik oleh para pelajar diploma kejuruteraan Politeknik Kuching. Oleh yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau gaya pembelajaran kinestatik pelajar-pelajar diploma jurusan kejuruteraan di Politeknik Kuching, Sarawak. Adakah jenis gaya pembelajaran ini merupakan gaya pembelajaran yang paling kerap diamalkan atau sebaliknya. Justeru itu, kajian telah menerbitkan beberapa persoalan yang mungkin dicapai bagi memenuhi objektif kajian:

- 1.5.1 Sejauhmanakah gaya pembelajaran kinestatik dipraktikkan di kalangan para pelajar semester satu dan enam diploma kejuruteraan di Politeknik Kuching.

- 1.5.2 Melihat perbezaan gaya pembelajaran kinestatik di antara para pelajar program kejuruteraan yang berlainan seperti kejuruteraan mekanikal, elektrik dan awam.
- 1.5.3 Melihat perbezaan gaya pembelajaran kinestatik di antara kursus, semester dan jantina di kalangan pelajar-pelajar diploma kejuruteraan Politeknik Kuching.

## 1.6 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan pemerhatian dan tinjauan kepada para pelajar diploma kejuruteraan di Politeknik Kuching bagi semester enam dan satu sahaja. Soalselidik diedarkan kepada sampel kajian yang terpilih daripada pelajar diploma kejuruteraan yang terbahagi kepada 3 program iaitu diploma kejuruteraan mekanikal, elektrik dan awam. Pemilihan pelajar mengikut semester enam dan satu dibuat berdasarkan keperluan kajian yang berhasrat untuk melihat perbezaan gaya pembelajaran kinestatik di antara semester.

Manakala dari segi kajian ke atas gaya pembelajaran pelajar, kajian ini akan memfokuskan pemerhatian dan tinjauan ke atas gaya pembelajaran kinestatik para pelajar diploma kejuruteraan di Politeknik Kuching. Walau bagaimanapun kajian ini tidak menolak kemungkinan bahawa para pelajar diploma kejuruteraan di Politeknik Kuching juga memiliki kecenderungan di dalam 8 gaya pembelajaran lain seperti gaya pembelajaran angka tertulis-pandang, bahasa lisan-dengar dan lain-lain lagi.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Dengan membuat kajian terhadap gaya pembelajaran kinestatik pelajar-pelajar jurusan diploma kejuruteraan di Politeknik Kuching, pengkaji dengan optimis akan berupaya memperolehi dan menganalisis setiap permasalahan yang ditimbulkan. Hasil daripada kajian ini juga boleh dijadikan asas untuk memperbaiki keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta merapatkan perbezaan pencapaian akademik para pelajar terutamanya para pelajar diploma jurusan kejuruteraan Politeknik Kuching sendiri.

Adalah menjadi harapan penyelidik agar data dan maklumat yang diperolehi dari kajian yang dijalankan ini akan dijadikan asas pertimbangan untuk:

- 1.7.1 Membantu para pensyarah mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar, di mana ianya dapat mempertingkatkan keberkesanan pembelajaran pelajar-pelajar diploma jurusan kejuruteraan Politeknik Kuching.
- 1.7.2 Memberi maklum balas hasil tinjauan ini kepada pihak Hal Ehwal Pelajar atau Jabatan Kejuruteraan di Politeknik Kuching bagi meningkatkan lagi tahap pencapaian para pelajar diploma jurusan kejuruteraan dengan cara menyesuaikan kaedah pengajaran pensyarah dengan gaya pembelajaran pelajar diploma jurusan kejuruteraan di Politeknik Kuching.
- 1.7.3 Dijadikan rujukan bagi pihak-pihak yang ingin menjalankan program motivasi pembelajaran.

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya menumpukan perhatian terhadap gaya pembelajaran kinestati para pelajar diploma jurusan kejuruteraan di Politeknik Kuching semester enam dan sambilan tahun 2000 dan 2002 sahaja.

Kajian ini tidak merujuk kepada kajian-kajian yang sedang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain di mana kemungkinan terdapatnya persamaan yang hanya merupakan satu kebetulan sahaja.

## 1.9 Hipotesis Kajian

### 1.9.1 Hipotesis I

$H_0$  : Gaya pembelajaran kinestatik dipraktikkan di kalangan para pelajar diploma kejuruteraan di Politeknik Kuching.

$H_1$  : Gaya pembelajaran kinestatik tidak dipraktikkan di kalangan para pelajar diploma kejuruteraan di Politeknik Kuching.

### 1.9.2 Hipotesis II

$H_0$  : Pelajar diploma kejuruteraan mekanikal, elektrik dan awam mengamalkan gaya pembelajaran kinestatik pada peringkat kelaziman yang sama di antara satu sama lain.

**H<sub>1</sub>** : Pelajar diploma kejuruteraan mekanikal, elektrik dan awam mengamalkan gaya pembelajaran kinestatik pada peringkat kelaziman yang berlainan di antara satu sama lain.

### 1.9.3 Hipotesis III

**H<sub>0</sub>** : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam amalan gaya pembelajaran kinestatik di antara jantina di kalangan pelajar-pelajar diploma kejuruteraan Politeknik Kuching.

**H<sub>1</sub>**: Terdapat perbezaan yang signifikan di dalam amalan gaya pembelajaran kinestatik di antara jantina di kalangan pelajar-pelajar diploma kejuruteraan Politeknik Kuching.

## 1.10 Definisi Istilah

### 1.10.1 Gaya pembelajaran

Menurut Dunn dan Dunn (1981) dalam Ee Ah Meng (1999) gaya pembelajaran merujuk kepada cara individu bertindak balas terhadap dunia di sekitarnya terutamanya dalam usaha untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam dalam proses pembelajaran.

Dunn (1981) dalam Ee Ah Meng (1997) juga menyatakan gaya pembelajaran merujuk kepada cara bagaimana elemen-elemen dari lima rangsangan asas iaitu rangsangan persekitaran, rangsangan emosi, rangsangan sosiologi, rangsangan fisiologi dan rangsangan psikologi mempengaruhi keupayaan seseorang untuk memahami dan berinteraksi serta bertindak balas kepada persekitaran pembelajaran.



## BIBLIOGRAFI

- Abd. Rahim dan rakan (1995). "Kajian Gaya Belajar Kumpulan Pelajar KPLI Sesi 1994/1995 di Institut Tanjung Malim, Perak." dlm. Mohd Salleh Bin Tahar (1998). "Kajian Terhadap Gaya Pembelajaran Kumpulan Jurutera Kursus Perguruan Lepas Ijazah 1996/1997 di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Master.
- Carter C. dan rakan (1998). "Keys to Effective Learning." Prentice Hall Inc. New Jersey. m/s 48.
- Dale, E. (1965). "Method of Teaching." New York : Holt Rinehirt & Winston.
- Dunn (1981). dlm. Ee Ah Meng (1999). "Psikologi Pendidikan I: Psikologi Perkembangan (Semester 1)." Edisi Kedua. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 184-185.
- Dunn, R. (1990). "Answer Questions on Learning Styles." *Journal of Educational Leadership*. Vol. 481. No. 2. 15 - 119.
- Dunn, R. (1980). "Learning : A Matter of Styles." *Journal of Educational Leadership*. 37. 360-361.
- Ee Ah Meng (1999). "Psikologi Pendidikan I: Psikologi Perkembangan (Semester 1)." Edisi Kedua. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 184 -185.

## BIBLIOGRAFI

- Abd. Rahim dan rakan (1995). "Kajian Gaya Belajar Kumpulan Pelajar KPLI Se 1994/1995 di Institut Tanjung Malim, Perak." dlm. Mohd Salleh Bin Tahar (1998). "Kajian Terhadap Gaya Pembelajaran Kumpulan Jurutera Kursus Perguruan Lepas Ijazah 1996/1997 di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Master.
- Carter C. dan rakan (1998). "Keys to Effective Learning." Prentice Hall Inc. New Jersey: 48.
- Dale, E. (1965). "Method of Teaching." New York : Holt Rinehart & Winston.
- Dunn (1981). dlm. Ee Ah Meng (1999). "Psikologi Pendidikan I: Psikologi Perkembangan (Semester I)." Edisi Kedua. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 184-185.
- Dunn, R. (1990). "Answer Questions on Learning Styles." *Journal of Educational Leadership*. Vol. 481. No. 2. 15 - 119.
- Dunn, R. (1980). "Learning : A Matter of Styles." *Journal of Educational Leadership*. 37. 360-361.
- Ee Ah Meng (1999). "Psikologi Pendidikan I: Psikologi Perkembangan (Semester I) Edisi Kedua. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 184 -185.

- Ee Ah Meng (1997). "Psikologi Pendidikan II (Semester II)." Cetakan Ketiga. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd. 177 - 182.
- Fogarty R. (1995). "Best Practices for the Learner-Centered Classroom." SkyLight Training & Publishing Inc. Illinois. m/s 131.
- Fogarty R. dan Stoehr J. (1991). "Integrating Curricula with Multiple Intelligence." SkyLight Training & Publishing Inc. Illinois. m/s 66.
- Gagne (1975). dlm. Mohd Salleh Bin Tahar (1998). "Kajian Terhadap Gaya Pembelajaran Kumpulan Jurutera Kursus Perguruan Lepas Ijazah 1996/1997 di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Master.
- Ghiam dan rakan (1996). "Kajian Gaya Pembelajaran Guru Pelatih Maktab Perguruan Seri Kota Kuala Lumpur." Program for Innovation, Excellence and Research (PIER). Kuala Lumpur: Jawantankuasa Penyelidikan dan Penerbitan Maktab Perguruan Seri Kota.
- Guild (1994). dlm. Nagendralingam dan Rakan-rakan (1996). "Gaya Belajar Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Perak, Kedah dan Pulau Pinang." Kuala Lumpur: Pusat Dokumentasi.
- Gujarati D.N. (1995). "Basic Econometrics 3rd Edition" Singapore: McGraw-Hill Book Co. m/s. 78
- Honey dan Mumford (1986). dlm Ee Ah Meng (1999). "Psikologi Pendidikan I: Psikologi Perkembangan (Semester I)." Edisi Kedua. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 190-191.
- Ishak dan Koh (1983). "Amalan Pedagogi." Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd.

- Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan Maktab Perguruan Seri Kota (1996). "Kajian Gaya Pembelajaran Guru Pelatih Maktab Perguruan Seri Kota." Kuala Lumpur.
- Kolb, D.A. (1976). "The Learning Styles Inventory." Boston M.A: Mc Ber and Company.
- Lehman, E.L. (1959). "Testing Statistical Hypotheses" New York: John Wiley & Sons.
- Malisa Othman. (2002). Penggunaan Laman Web Di Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Pelancongan Rekreasi (H310): Satu Tinjauan Di Kalangan Pelajar Pengurusan Pelancongan, Politeknik Johor Bahru. Tesis KUiTTHO. (Tidak Diterbitkan).
- Md. Yusof Hj. Arshad (1991). "Belajar Untuk Berjaya." Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mohd. Najib Abd. Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0." Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Mohd Salleh Bin Tahar (1998). "Kajian Terhadap Gaya Pembelajaran Kumpulan Jurutera Kursus Perguruan Lepas Ijazah 1996/1997 di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Master.
- Nagendralingam dan Rakan-rakan (1996). "Gaya Belajar Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Perak, Kedah dan Pulau Pinang." Kuala Lumpur: Pusat Dokumentasi.
- O'Brien, L dan Terrence (1989). "Learning Styles : Make The Student Aware." dlm. Nagendralingam dan Rakan-rakan (1996). "Gaya Belajar Pelajar Tingkatan

Empat Sekolah Menengah di Perak, Kedah dan Pulau Pinang.” Kuala Lumpur: Pusat Dokumentasi.

Omardin Ashaari (1999). “Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

O’Neil (1990) “Gaya Pembelajaran Individu.” dlm. Nagendralingam dan Rakan-ra (1996). “Gaya Belajar Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Perak, Kedah dan Pulau Pinang.” Kuala Lumpur: Pusat Dokumentasi.

Orsak, L. (1990) “Learning Style Versus The Rip Van Winkle Syndrome.” *Journal of Educational Leadership*. Vol. 48. No. 2. 19 - 21.

Perrin J. (1990). “The Learning Style Project for Potential Drop Out.” *Journal of Educational Leadership*. Vol. 48. No. 2. 23 - 24.

Raja Mahani (2002). “Tinjauan Terhadap Gaya Pembelajaran di Kalangan Pelajar-pelajar Semester Tiga Tahun 2002 Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang.” Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Master.

Rothschild, Jacqueline dan William E.P. (1994). “Intelcorrelates of Post Secondary Students’ Learning Styles and Personality Traits.” Community College. *Journal of Research and Practice*. Vol. 18. No. 2. 177- 188.

Nor Saidatul Rajeah (1998). “Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Kerjaya Kepada Pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia Dalam Pemilihan Kejuruteraan.” Universiti Malaysia Sarawak: Tesis Master.

Shafina Sheridan (1989). “Anda Boleh Berjaya.” Kuala Lumpur: Amas Printers Sdn. Bhd.

Subramani M. (1999). "The Dot Com Effect: The Impact of E-Commerce Announcements on the Market Value of Firms." University of Minnesota: Kertas Kerja no. WP 99 – 02.

Sim Ah Hock dan rakan-rakan (1997). "Kesan Strategi Pemetaan konsep Terhadap Pemprosesan Maklumat Sains Dalam Tutorial Pembelajaran Berbantuan Komputer." <http://www2.moe.gov.my/~mpsah/kajian/tm97.htm>  
Capaian: 29 Ogos 2003

Willis, M. dan Hodson V.K. (1999). "Discover Your Child's Learning Style." Prima Publishing. USA. m/s 145.

Wiseman, D.C (1999). "Research Strategies for Education." New York: Wadsworth.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH